

Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 7 di Sekolah Antarabangsa

*(Malay Language Writing Errors among Year 7 Foundation-Level Students in
An International School)*

¹CHEW FONG PENG & ²VANITHMALAR JAYABALAN

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

²Asia Pasific International School, 47200 Subang, Selangor, Malaysia.

Dihantar: 10 Januari 2026 / Diterima: 15 Mac 2026

Koresponden e-mel: fpchew@um.edu.my

ABSTRAK: Kajian ini dijalankan untuk mengukur pencapaian dan penguasaan kemahiran penulisan, menganalisis perbezaan keputusan penulisan antara murid perempuan dan lelaki, mengenal pasti faktor-faktor murid cenderung melakukan kesalahan penulisan dan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh para murid dalam penulisan Bahasa Melayu. Kajian kuantitatif ini memilih 75 orang murid Tahun 7 di sebuah sekolah antarabangsa di Kuala Lumpur sebagai sampel kajian. Borang soal-selidik dan ujian penulisan digunakan sebagai instrumen kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian ujian penulisan mereka adalah kurang memuaskan. Aspek memerlukan pertolongan guru atau kawan didapati mencapai nilai min tertinggi ($M=4.64$, $SP=1.16$). Keputusan ujian-t menunjukkan tiada perbezaan pencapaian penulisan antara murid perempuan dan lelaki. Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan dalam penulisan Bahasa Melayu dianalisis berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder mendapati bahawa kesalahan morfologi (ortografi dan leksikal) dan sintaksis (jenis ayat) paling dominan dalam penulisan murid. Faktor dominan yang menyebabkan murid cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan terutamanya disebabkan subjek ini hanya dipelajari dan digunakan di dalam kelas Bahasa Melayu sahaja. Maka, kajian ini membawa implikasi bahawa kemahiran penulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 7 Aras Rendah boleh dipertingkatkan dengan mengaplikasikan teori pembelajaran Konstruktivisme agar murid dapat menguasai kemahiran menulis dengan lebih efektif melalui pengetahuan sedia ada dan pembelajaran sebelumnya.

Kata kunci: Bahasa Melayu; Kesalahan Tatabahasa; Penulisan; Sekolah Antarabangsa

ABSTRACT: The study was conducted on the achievement and mastery level of writing skills, analyzing the difference of results in composition between female and male students, and recognizing the factors of students who tend to commit various types of writing errors. This quantitative study selected 75 Year 7 students at an international school in Kuala Lumpur as the sample of study. This quantitative study included two instruments, which were survey questionnaires and an essay writing test. The findings indicated that the achievement of writing skills was unsatisfactory. Aspect of requiring the help of a teacher or friends in writing was found as the highest mean value ($M=4.64$, $SD=1.16$). The results of the t-test showed no significant difference between female and male students in their composition results. The type of errors has been analyzed based on Corder Language Error Analysis Theory, and the morphological errors (orthographic and lexical) and syntactic errors (sentence types) were identified as the most dominant in writing. Apart from that, the dominant factor causing students to tend to make errors in writing was the limitation of the language usage itself. The Malay Language is only used and learned in Malay Language class. Thus, this study shows the implication that Malay Language writing skills among Year 7 Foundation students can be improved with the application of constructivist learning theory as they are able to increase the mastery of writing skills by connecting through their existing knowledge of previous lessons.

Keywords: Malay language; Grammatical Errors; Writing; International School

PENGENALAN

Bahasa Melayu selalu dianggap penting dalam sektor pendidikan di negara kita disebabkan ia merupakan bahasa kebangsaan negara ini. Maka, Bahasa Melayu wujud sebagai mata pelajaran utama di semua institusi pelajaran di negara kita. Mata pelajaran ini diajar sebagai bahasa kedua serta bahasa asing di sekolah swasta dan antarabangsa bertujuan untuk menggalakkan semua murid menggunakan Bahasa Melayu dengan fasih. Dari segi pengajaran dan pembelajaran, semua kemahiran Bahasa Melayu seperti pendengaran, pertuturan, pembacaan dan penulisan diajar. Tetapi, dalam majoriti kelas Bahasa Melayu, penulisan telah menjadi kemahiran tersukar untuk dikuasai (Rozita Radhiah et al. 2019; Ashairi et al., 2017).

Untuk murid yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa asing, adalah lebih sukar untuk menulis dalam Bahasa Melayu kerana perlu menguasai ciri-ciri linguistik, corak retorik, gaya penulisan dan faktor kebudayaan (Sylvester Lau et al., 2020). Menurut hipotesis turutan semula jadi pembelajaran bahasa, penulisan berada di tahap akhir proses pembelajaran (Ainun Rahmah et al., 2017). Meskipun begitu, para murid harus mengukuhkan kemahiran ini sebab penulisan amat penting ketika proses pembelajaran Bahasa Melayu (Nora' Azian, 2020). Selain daripada itu, penulisan adalah suatu kemahiran utama yang memberi peluang kepada para menambah potensi dalam penggunaan bahasa yang baik (Anida et al., 2020). Jadi, kemahiran menulis amat berguna untuk para murid dalam mengembangkan kebolehan berbahasa dan pada masa yang sama meningkatkan keyakinan diri.

Di kebanyakan sekolah antarabangsa, Bahasa Melayu dipelajari sebagai bahasa kedua atau bahasa asing oleh murid sekolah antarabangsa. Mereka hanya mempunyai waktu yang terhad dalam mempelajari empat kemahiran utama, iaitu bertutur, menulis, mendengar dan membaca (Sokip, 2020). Dalam keadaan itu, para murid sekolah antarabangsa menghadapi masalah penulisan kerana kurang pendedahan terhadap penggunaan Bahasa Melayu itu sendiri. Mereka sentiasa berada dalam persekitaran di mana bahasa komunikasi utama mereka ialah Bahasa Inggeris. Keadaan ini juga termasuk persekitaran di luar bilik darjah dan apabila mereka berinteraksi dengan ahli keluarga. Kekerapan menggunakan Bahasa Melayu adalah sangat rendah sehingga kekerapan ini adalah sifar untuk segelintir murid sekolah antarabangsa. Dengan penggunaan dan pendedahan Bahasa Inggeris yang banyak, para murid sekolah antarabangsa cenderung melakukan banyak

kesilapan dalam penulisan (Charanjit Kaur et al., 2017).

Masalah penulisan yang dihadapi oleh para murid antarabangsa di dalam kelas Bahasa Melayu adalah pembentangan idea yang terbatas kerana kelemahan dalam aspek perbendaharaan kata. Walaupun mereka dapat memikirkan idea untuk mengembangkan isi utama, para murid sekolah antarabangsa menghadapi kesukaran untuk menggunakan perkataan atau frasa yang betul untuk mengaitkan idea sampingan dengan idea utama dalam karangan yang ditulis. Apabila menghadapi kesukaran dalam aspek perbendaharaan kata, para murid hanya menghasilkan penulisan pendek berdasarkan pengetahuan sedikit Bahasa Melayu yang dimiliki. Menghasilkan penulisan yang tidak menepati jumlah perkataan yang ditetapkan menyebabkan para murid tidak mencapai objektif pembelajaran walaupun mereka menghasilkan penulisan (Fazilah, 2019)

Sehubungan dengan itu, kebanyakan karangan yang dihasilkan oleh mereka gagal mendapat markah yang sewajarnya kerana kesilapan dalam menggunakan perkataan seperti kata nama am, kata nama khas, kata sendi dan kata ganda. Para murid masih melakukan kesalahan remeh seperti menjarakkan perkataan dengan kata sendi atau merapatkan perkataan seperti '*ibu bapa*', '*hari jadi*' dan sebagainya. Masalah kegagalan menggunakan ejaan yang betul dalam kata pemer, kata nafi, kata penguat, kata hubung, partikal, penjodoh bilangan dan tanda sempang menyebabkan para murid tidak dapat menghasilkan karangan yang berkualiti tinggi (Abdul Ghani, 2016).

Kajian analisis kesalahan telah menunjukkan terdapat pelbagai kategori kesalahan bahasa yang didapati dalam penulisan murid di dalam kelas Bahasa Melayu. Kajian Abdul Hamid dan Jessica Ong (2021) menyatakan jumlah dan jenis kesalahan boleh digunakan sebagai penentu kuantitatif untuk menyatakan sama ada murid mempunyai tahap penguasaan lemah, sederhana atau cemerlang. Di samping mengenal pasti jenis kesalahan untuk menyatakan tahap penguasaan Bahasa Melayu, faktor-faktor yang menyebabkan murid cenderung melakukan kesalahan tersebut juga perlu dikaji (Polio, 2016). Ini dapat membantu guru-guru untuk memberi tunjuk ajar yang tepat dalam memperbaiki hasil penulisan mereka (Thorpe, 2021).

Oleh sebab terdapat pelbagai cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh murid untuk meningkatkan kemahiran penulisan Bahasa Melayu, kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para murid sekolah antarabangsa dalam penulisan dan dicari

faktor-faktor penentu. Kajian ini diharapkan dapat mengurangkan jurang kajian dalam bidang

penulisan Bahasa Melayu para murid di sekolah antarabangsa.

OBJEKTIF DAN HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab lima objektif kajian, iaitu seperti berikut:

1. Mengukur pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid Tahun 7 aras rendah.
2. Mengetahui penguasaan penulisan Bahasa Melayu murid Tahun 7 aras rendah.
3. Menganalisis perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid Tahun 7 aras rendah berdasarkan jantina.
4. Mengenal pasti jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid Tahun 7 aras rendah dalam penulisan Bahasa Melayu.


5. Menentukan faktor-faktor yang menyebabkan murid cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan Bahasa Melayu.

Daripada objektif kajian tiga, maka dibangunkan hipotesis nul berikut:

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu para murid Tahun 7 aras rendah yang signifikan berdasarkan jantina.

TEORI KAJIAN

Kerangka teori seperti Rajah 1 dibina berasaskan Teori Konstruktivisme dan teori analisis kesalahan bahasa (Corder, 1981) untuk menerangkan masalah penulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah antarabangsa.



RAJAH 1: Kerangka Teori

Berdasarkan kerangka teori dalam Rajah 1, kedua-dua teori dapat menjelaskan keadaan ideal untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh para murid sekolah antarabangsa. Pencapaian dan penguasaan pelajar-murid tersebut dalam penulisan Bahasa Melayu juga dapat ditentukan, termasuklah penguasaan murid sama ada murid dapat menulis tanpa pertolongan guru, tanpa merujuk buku rujukan, dapat menulis dengan lancar, faham kehendak soalan dan sebagainya. Melalui maklumat

mengenai penguasaan murid dalam penulisan Bahasa Melayu, teori konstruktivisme dapat diaplikasikan sewajarnya. Ini kerana teori konstruktivisme menyokong pemerolehan pengetahuan baharu dibina daripada pengetahuan sedia ada. (McCallum, 2020).

Seterusnya, Penggunaan Teori Analisis Kesalahan Bahasa atau Teori Corder (1981) dalam kajian ini dapat mengelaskan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid kajian. Jenis-jenis

kesalahan yang dilakukan oleh mereka dari segi morfologi dan sintaksis dapat ditentukan melalui ujian penulisan. Maka, dapat dikenal pasti sama ada faktor-faktor tertentu seperti persekitaran,

pendedahan dalam Bahasa Melayu, pengaruh bahasa pertama dan sebagainya mendorong murid melakukan kesalahan bahasa.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah penyelidikan tinjauan diaplikasikan dengan menggunakan borang soal selidik dan ujian penulisan untuk mengutip data. Data kuantitatif

akan diperoleh daripada dua sumber tersebut untuk menjawab kesemua soalan kajian.

Populasi dan Responden Kajian

Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah antarabangsa yang terletak di Kuala Lumpur yang menggunakan silibus *Cambridge Malay Foreign Language* (IGCSE). Populasi kajian dalam kajian ini ialah seramai 189 murid Tahun 7 di sekolah tersebut. Tahun 7 di sekolah ini mempunyai lapan buah kelas. Terdapat dua buah kelas *advance*, dua buah kelas *intermediate*, tiga buah kelas *foundation* dan sebuah kelas *beginner*. Setiap kelas mempunyai seramai 25 orang pelajar, akan tetapi kelas *beginner* hanyalah terdiri daripada 14 pelajar. Pelajar-murid kelas *beginner* tidak perlu menduduki peperiksaan IGCSE *Malay Foreign Language* kerana mereka adalah murid luar negara.

Oleh kerana kajian ini berfokuskan murid-murid Tahun 7 aras rendah, ini bererti teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dipilih kerana fokus kajian ini terdiri daripada kumpulan murid yang lemah dalam penulisan dari tiga kelas asas (*foundation*). Ciri-ciri murid yang lemah dalam kemahiran menulis ialah mereka tidak menguasai kemahiran asas menulis ayat yang mengandungi kandungan tatabahasa, olahan idea dan penyusunan ayat yang betul. Bukan itu sahaja, mereka kurang keyakinan dalam membina ayat sesuatu ayat kerana mereka tidak menguasai format asas pembinaan ayat yang betul, contoh format SKOP (Subjek, Kata Kerja, Objek dan Penerangan). Untuk membina ayat yang betul, seseorang murid perlu menguasai

komponen tatabahasa dan cara perluasan idea yang sesuai.

Responden dari kelas murid aras rendah ini hanya lemah dalam kemahiran penulisan sahaja, tetapi mereka menguasai kemahiran membaca. Soalan kajian merupakan soalan yang mudah dan ringkas di mana semua responden dapat membaca. Kemahiran membaca dan kemahiran menulis adalah dua kemahiran bahasa yang berlainan walaupun saling berkait. Seseorang murid mungkin boleh membaca petikan, teks atau soalan mengikut suku kata dan memahaminya tetapi murid tersebut tidak dapat menulis dengan susunan ayat yang betul kerana kemahiran menulis memerlukan kemahiran tambahan seperti kefahaman tatabahasa, penyusunan ayat dan perluasan idea. Oleh yang demikian, tidak semestinya murid yang lemah menulis ayat merupakan murid yang tidak boleh membaca. Dapatan kajian ini adalah berasaskan persampelan bertujuan yang berdasarkan instrumen penilaian membaca yang ringkas dan mudah untuk difahami, maka ketulenan dapatan kajian masih boleh dipertahankan.

Sebanyak 75 orang murid menjadi responden dalam kajian ini. Daripada jumlah itu, kaum Cina (63, 84.0%) paling banyak, diikuti dengan murid India (10, 13.3%), sebaliknya murid Melayu (2, 2.7%) paling sedikit. Dari segi jantina pula, murid perempuan (44, 58.7%) adalah lebih banyak daripada murid lelaki (31, 41.3%).

Instrumen Kajian

Terdapat dua jenis instrumen digunakan dalam kajian ini, iaitu borang soal selidik dan ujian penulisan deskriptif. Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A terdiri daripada demografi murid seperti jantina, umur, bangsa, kelas dan pencapaian ujian penulisan terakhir mereka, manakala Bahagian B berkenaan dengan penguasaan penulisan Bahasa Melayu (9 soalan). Bahagian C pula terdiri daripada 10 item yang merangkumi faktor-faktor yang menyebabkan para murid cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan Bahasa Melayu. Skala Likert 6 mata

digunakan dalam soal selidik ini, iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, agak setuju, setuju, dan sangat setuju. Soal selidik ini diadaptasi dan diubah suai daripada instrumen Zahra dan Ali Rahimi (2015).

Instrumen kedua ialah ujian penulisan deskriptif untuk murid Tahun 7 aras rendah yang dipilih. Ujian ini terdiri daripada satu soalan karangan di mana semua murid dikehendaki menulis antara 80 hingga 90 patah perkataan dalam masa 45 minit. Soalan ujian penulisan ini diambil dari kertas ujian sebenar penilaian penulisan

International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) Tahun 2017. Soalan karangan adalah mengenai filem kegemaran mereka.

Ujian rintis dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen. Soal selidik dan ujian penulisan deskriptif tersebut diberikan kepada murid seramai 30 orang dalam Tahun 7 Kelas Aras

Rendah secara rawak. Hasil ujian rintis menunjukkan bahawa nilai Alpha Cronbach untuk soal selidik ialah 0.73, membuktikan soal selidik ini adalah tekal dan bolesoalan dan masa yang diberikan untuk menyelesaikan ujian (45 minit) adalah memadai.

Cara Analisis Data

Analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti pencapaian dan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 7 Aras Rendah dengan menggunakan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Skor min diukur berdasarkan Jadual 1

pengukuran skor min dan interpretasi oleh Nunnally dan Bernstein (1994) yang dibahagikan kepada enam tahap pengukuran skor min. Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap penilaian responden.

JADUAL 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 1.82	Sangat rendah
1.82 - 2.66	Rendah
2.67 - 3.48	Sederhana rendah
3.49 – 4.32	Sederhana tinggi
4.33 – 5.16	Tinggi
5.17 - 6.00	Sangat tinggi

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menganalisis perbezaan tahap penguasaan Bahasa Melayu oleh murid Tahun 7 Aras Rendah berdasarkan jantina. Seterusnya, analisis ujian penilaian karangan deskriptif dibuat untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan yang dilakukan dalam ujian di mana kesemua kertas

ujian daripada 75 responden akan ditanda, kemudian dibandingkan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh mereka dalam penulisan deskriptif. Akhir sekali, analisis deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan murid cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan Bahasa Melayu.

Dapatan Kajian

Pencapaian Ujian Penulisan Murid Tahun 7 di Sekolah Antarabangsa Pilihan

Berdasarkan skema pemarkahan sekolah antarabangsa yang dipilih, 50% adalah syarat minimum kelulusan. Hal ini bererti skor di bawah 50% dikategorikan sebagai gagal. Jadual 2 menunjukkan sebanyak 33 orang (44.1%) murid gagal dalam ujian penulisan. Sebanyak 16 orang

responden kajian (21.4%) mendapat markah di antara 40 sehingga 49%, manakala hanya 4 orang murid(5.4%) mendapat markah 80% dan ke atas. Dengan erti kata lain, pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid Tahun 7 di sekolah antarabangsa ini kurang memuaskan.

JADUAL 2: Pencapaian ujian penulisan murid Tahun 7 pada 2025

	Skala Pemarkahan	Kekerapan	Peratusan
Ujian Penulisan	20-20%	5	6.7
	30-39%	12	16
	40-49%	16	21.4
	50-59%	8	10.7
	60-69%	12	16.1
	70- 79%	12	16.2
	80% dan ke atas	4	5.4

Penguasaan Bahasa Melayu Murid Tahun 7 di Sekolah Antarabangsa Pilihan

Jadual 3 menunjukkan bahawa murid-murid memerlukan pertolongan guru atau kawan dalam penulisan karangan menunjukkan skor min yang paling tinggi ($M=4.64$, $SP=1.16$). Bilangan responden yang memaparkan persetujuan adalah sebanyak 69 (78.7%) orang pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid Tahun 7 ini sentiasa bergantung kepada seseorang dalam menghasilkan karangan. Oleh sebab itu, responden kajian ini tidak dapat menulis karangan secara sendiri. Oleh kerana ujian dan peperiksaan penulisan memerlukan murid menulis sendiri, maka mereka tidak dapat memperoleh keputusan yang memuaskan.

Nilai min kedua tinggi diperoleh oleh item murid memerlukan *Google Translate* atau kamus untuk menulis karangan ($M= 3.72$, $SP= 1.77$).

Sejumlah 39 orang responden (52%) yang menyatakan persetujuan, iaitu melebihi separuh daripada jumlah responden. Ini menggambarkan responden bukan sahaja bergantung kepada seseorang dalam menulis karangan, malah bergantung kepada aplikasi atau kamus dalam menterjemahkan bahasa pertama mereka kepada Bahasa Melayu. Di sebalik itu, min skor yang terendah jatuh pada kebolehan menulis tanpa kesalahan ejaan dan morfem kata ($M= 2.12$, $SP= 1.36$). Bilangan responden yang tidak setuju adalah sebanyak 62 orang (82.6%). Data ini mengesahkan tahap penguasaan penulisan murid-murid Tahun 7 aras rendah di sekolah antarabangsa dalam menghasilkan karangan yang sempurna adalah kurang memuaskan.

JADUAL 3: Penguasaan Bahasa Melayu murid Tahun 7 di Sekolah Antarabangsa

	STS 1	TS 2	KS 3	AS 4	S 5	SS 6	Min	Sisihan Piawai
1. Minat terhadap penulisan karangan	23 30.7%	14 18.7%	20 26.7%	9 12.0%	5 6.7%	4 5.0%	2.61	1.47
2. Memahami kehendak soalan	14 18.7%	29 38.7%	18 24.0%	5 6.7%	7 9.3%	2 2.7%	2.57	1.29
3. Kebolehan menulis dengan lancar	24 32.0%	17 22.7%	22 29.3%	8 10.7%	4 5.3%	-	2.35	1.19
4. Kebolehan menulis tanpa kesalahan ejaan, morfem atau imbuhan	34 45.3%	19 25.3%	9 12.0%	7 9.3%	4 5.3%	2 2.7%	2.12	1.36
5. Kebolehan menulis tanpa kesalahan tatabahasa	26 34.7%	21 28.0%	17 22.7%	9 12.0%	2 2.7%	-	2.20	1.13
6. Kebolehan menulis tanpa merujuk buku	22 29.3%	21 28.0%	17 22.7%	11 14.7%	4 5.3%	-	2.39	1.21
7. Kebolehan menulis dengan efektif dan menepati masa	23 30.7%	30 40.0%	13 17.3%	4 5.3%	5 6.7%	-	2.24	1.31
8. Perlu <i>Google Translate</i> atau kamus untuk menulis karangan	7 9.3%	20 26.7%	9 12.0%	8 10.7%	13 17.3%	18 24.0%	3.72	1.77
9. Memerlukan pertolongan guru atau kawan untuk menulis karangan	-	2 2.7%	14 18.7%	14 18.7%	24 32.0%	21 28.0%	4.64	1.16
	Purata Min						2.76	0.71

Nota: STS – Sangat Tidak Setuju; TS – Tidak Setuju; KS – Kurang Setuju; AS – Agak Setuju; S - Setuju, SS – Sangat Setuju; M – Min; SP – Sisihan Piawai

Perbezaan Tahap Penguasaan Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 7 Aras Rendah berdasarkan Jantina

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk membandingkan pencapaian kedua-dua kumpulan murid lelaki dan perempuan dalam ujian penulisan. Dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan pencapaian murid yang signifikan dalam penulisan Bahasa Melayu berdasarkan jantina di mana nilai $t = -1.48$, $p > 0.05$.

Oleh itu, hasil analisis bagi menguji hipotesis H_0 yang berbunyi “Tidak terdapat perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu oleh murid Tahun 7 aras rendah yang signifikan berdasarkan jantina” diterima. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara murid lelaki dan

perempuan dalam pencapaian penulisan Bahasa Melayu.

JADUAL 4: Ujian-t menunjukkan perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid Tahun 7 berdasarkan jantina

Aspek	Jantina	N	M	SP	<i>t</i>	<i>p</i>
Tahap penguasaan penulisan dalam Bahasa Melayu	Lelaki	31	2.25	0.94	-1.48	.883
	Perempuan	44	2.32	1.02		

Jenis Kesalahan dalam Ujian Penulisan

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan kajian analisis kesalahan bahasa dalam penulisan murid Tahun 7 berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1981). Corder (1981) mengkategorikan kesalahan bahasa kepada kesalahan morfologi, sintaksis dan leksikon dalam pembelajaran bahasa kedua. Justeru, kesalahan tatabahasa dalam kajian ini akan dihuraikan berdasarkan beberapa kategori iaitu morfologi (yang merangkumi kesalahan ortografi dan leksikal) dan sintaksis (jenis ayat).

Morfologi

Berdasarkan Jadual 5, penggunaan perkataan Inggeris merupakan kesalahan morfologi yang paling kerap dilakukan. Hal ini demikian kerana bahasa pertama murid-murid di sekolah antarabangsa adalah bahasa Inggeris. Di samping itu, ortografi Bahasa Melayu juga menunjukkan kekerapan kesalahan yang banyak dalam bentuk ejaan, umpamanya *'bersamah'* dan *'bernamah'*. Mereka kerap menulis /h/ di belakang sesuatu perkataan. Hal ini kerana murid-murid ini kuat terpengaruh oleh bahasa pertuturan yang tidak formal dalam penulisan formal.

Dari segi kesalahan leksikal, kesalahan paling banyak yang dikesan adalah penggunaan kata sendi nama dan kata hubung. Dari segi kata sendi nama, misalnya *"Saya pulang 'dari' panggung wayang"* ditulis sebagai *"Saya pulang 'daripada' panggung wayang"*. Hal ini menunjukkan murid kajian keliru antara *'dari'* dengan *'daripada'*. Bagi kata hubung, responden juga tidak mahir dengan penggunaan *'yang'* dan *'bahawa'*. Terdapat juga kesalahan kesalahan kata ganti nama diri di mana murid

Tahun 7 yang dikaji tidak dapat membezakan antara *'kita'* dengan *'kami'*, *'dia'* dengan *'beliau'*. Dalam penggunaan kata bantu, mereka juga tidak mahir untuk menggunakan *'telah'* dan *'akan'*.

Di samping itu, kesalahan imbuhan seperti *'di'*, *'me'* dan *'ber'* juga dikesan, seperti *'ditonton'*, *'diguna'* dan *'mensuka'* serta *'bergaguh'*. Kesalahan ini berlaku kerana murid-murid lemah dalam penggunaan imbuhan perkataan yang betul. Oleh sebab silibus Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa ini adalah berdasarkan *Malay Foreign Language*, topik tatabahasa imbuhan merupakan salah satu topik tatabahasa yang kecil dalam silibus tersebut. Kurang pendedahan dalam topik imbuhan ini menyebabkan para murid cenderung melakukan kesalahan imbuhan. Pembelajaran yang mudah bukan sahaja dalam topik imbuhan, malahan dalam keseluruhan topik tatabahasa. Silibus pembelajaran ini menyebabkan banyak kesalahan dikesan dari segi kata hubung, kata bantu dan kata ganti nama diri dalam penulisan murid.

JADUAL 5: Jenis kesalahan morfologi dalam penulisan murid Tahun 7

Jenis Kesalahan	Morfologi	Contoh (Pembetulan)
Bentuk kata	1. Perkataan Bahasa Inggeris	<i>Comedi</i> (komedi)
		Filem <i>this</i> (ini)
		<i>Animation</i> (animasi)
		<i>Superhero</i> (adiwira)
		<i>Adventure</i> (pengembaraan)
		Aktion (aksi),
		<i>Cool</i> (menarik)
		<i>Computer</i> (komputer)
		Sinema (pawagam)

2. Ejaan (ortografi)	takjuk (tajuk), kerena (kerana) tak tau (tidak tahu) bersamah (bersama), degan (dengan), bergaguh (jaguh) menoton (menonton), bernamah (bernama) Saya <i>and</i> (dan) kawan
3. Kata Sendi Nama	Saya menonton daripada (dengan) ibu bapa saya Saya pulang daripada (dari) panggung wayang Pukul 5 petang (pada pukul).
4. Kata Hubung	Budak (yang) membaca itu adik perempuan saya. Menonton oleh saya sendiri (seorang diri) Bahawa (kerana)
5. Kata Ganti Nama Diri	Bersama dia (beliau) (merujuk pada ayah)
6. Kata Bantu	Kita (kami) selalu pergi menonton Semalam, saya akan (telah) menonton filem komedi
7. Imbuhan	Saya ditonton (menonton) dengan bapa saya. Saya diguna (menggunakan) komputer Ibu mensuka (menyukai) Bergaguh (jaguh)

Sintaksis

Jadual 6 menunjukkan kesalahan sintaksis ayat yang dikesan dalam penulisan responden kajian. Dapatan tersebut menunjukkan murid kajian membina ayat yang salah akibat daripada pelbagai jenis kesalahan. Sebagai contohnya, ayat pertama menunjukkan kesalahan ejaan dan kata sendi. Itu adalah gabungan kesalahan menggunakan perkataan dan kesalahan tatabahasa. Bukan itu sahaja, penulisan Bahasa Melayu diterjemahkan secara langsung dari struktur ayat Bahasa Inggeris. Contohnya: *'My father'* ditulis sebagai *'Saya Ayah'*, *'I watched by myself'* sebagai *'Saya menonton oleh saya sendiri'* di mana menunjukkan para murid lemah untuk menulis dalam struktur ayat yang betul dalam Bahasa Melayu.

Selain itu, para murid juga keliru dengan pembentukan ayat pasif dan ayat aktif. Contohnya, *"Filem ini menonton oleh saya"*. Di sini, *'menonton'* merujuk pada kata kerja aktif, manakala ayatnya lebih bersifat ayat pasif kerana murid

kajian menggunakan *'oleh'* dalam ayat. Kata kerja *'menonton'* sepatutnya ditulis sebagai *'tonton'*. Jelas sekali, kesalahan penggunaan imbuhan *'men-* mendorong murid kajian melakukan kesalahan sintaksis. Selain itu, kesalahan pembentukan ayat majmuk juga dikenal pasti. Contohnya *"Ibu selalu menonton filem dan mendengar radio"*. Kata hubung *'dan'* haruslah ditulis sebagai *'sambil'*, tetapi murid kajian lebih cenderung menggunakan *'dan'* kerana perkataan ini senang diingat. Tambahan pula, *'and'* dalam Bahasa Inggeris dan *'dan'* dalam Bahasa Melayu adalah kata hubung yang mempunyai ejaan yang sama. Itu juga menyumbang kepada kesalahan ejaan dalam penulisan mereka.

Daripada jenis kesalahan-kesalahan tersebut, jelas menunjukkan bahawa murid-murid Tahun 7 aras rendah adalah lemah dalam pembinaan ayat dengan menggunakan morfologi dan sintaksis yang tidak sesuai dalam penulisan karangan mereka.

JADUAL 6: Kesalahan sintaksis dalam penulisan

Kesalahan Sintaksis	Contoh
Ayat pasif	Filem ini menonton oleh saya.
Ayat aktif	Saya pergi ke sinema untuk ditonton dengan bapa saya.
Ayat Majmuk	Ibu selalu menonton dan mendengar radio.
Ayat terjemahan Bahasa Inggeris	Saya ayah pulang dari pawagam pukul 5 petang. Saya menonton oleh saya sendiri. Saya memerhatikan <i>Avengers</i> .
Struktur ayat yang tidak betul	Saya mahu menonton pertunjukkan panther hitam yang akan keluar
Struktur ayat Bahasa Inggeris	Filem sangat menarik kerana ialah terlibat bergaguh.

Faktor-faktor Murid Cenderung Melakukan Kesalahan dalam Penulisan

Faktor Bahasa Melayu hanya digunakan di dalam kelas memaparkan nilai min yang paling tinggi ($M=4.77$, $SP=1.10$). Seramai 65 responden (86.6%) menyatakan persetujuan mereka. Hal ini menunjukkan Bahasa Melayu hanya dipraktikkan di dalam kelas sahaja selama 2 jam seminggu. Keadaan ini menyebabkan para murid kurang menggunakan Bahasa Melayu sama ada dalam pertuturan atau penulisan. Ini menyebabkan mereka tidak mahir dalam mempelajari sesuatu bahasa secara berkesan.

Nilai min yang kedua tinggi diperoleh oleh faktor kosa kata terhad kerana kekurangan bahan ($M=4.35$, $SP=1.07$). Seramai 63 responden (84%)

bersetuju dengan pernyataan ini kerana para murid sekolah antarabangsa kurang terdedah kepada bahan-bahan bacaan selain daripada buku teks Bahasa Melayu. Di sebaliknya, Jadual 7 menunjukkan bahawa faktor tiada keinginan belajar Bahasa Melayu kerana tiada keperluan memperoleh min skor yang terendah ($M=1.99$, $SP=1.35$). Seramai 57 responden (76%) setuju dengan faktor ini. Oleh sebab ini adalah kelas Aras Rendah, kebanyakan responden adalah golongan yang lemah dalam subjek Bahasa Melayu. Ini terbukti daripada pencapaian penulisan Bahasa Melayu dalam ujian yang diperoleh.

JADUAL 7: Faktor-faktor murid cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan

Pernyataan	STS 1	TS 2	KS 3	AS 4	S 5	SS 6	Min	Sisihan Piawai
1. Kesukaran untuk mempelajari Bahasa Melayu	-	4 5.3%	14 18.7%	22 29.3%	28 37.3%	7 9.3%	4.27	1.04
2. Kegunaan Bahasa Melayu terhad di dalam kelas	-	-	10 13.3%	25 33.3%	12 16%	28 37.3%	4.77	1.10
3. Kegunaan Bahasa Melayu ketika menjawab soalan guru	10 13.3%	24 32%	9 12%	24 32%	6 8%	2 2.7%	2.97	1.32
4. Kosa Kata terhad kerana kekurangan bahan	-	6 8%	6 8%	29 38.7%	24 32%	10 13.3%	4.35	1.07
5. Kurang bimbingan di rumah	14 18.7%	6 8%	4 5.3%	24 32%	19 25.3%	8 10.7%	3.51	1.96
6. Kurang sokongan persekitaran	1 1.3%	4 5.3%	16 21.3%	17 22.7%	32 42.4%	5 6.7%	3.27	1.88
7. Kurang bimbingan komuniti	5 6.7%	10 13.3%	24 32%	25 33.3%	11 14.7%	-	2.8	1.73
8. Bahasa Melayu tidak penting berbanding Bahasa Inggeris	-	3 4%	8 10.8%	10 13.3%	31 41.3%	23 30.7%	3.91	2.18
9. Kurang masa dalam pembelajaran	11 14.7%	12 16%	6 8%	12 16%	27 36%	7 9.3%	2.59	1.90
10. Tiada keinginan kerana tiada keperluan	4 5.3%	4 5.3%	10 13.3%	26 34.7%	31 41.4%	-	1.99	1.35
	Purata Min						3.44	1.00

PERBINCANGAN

Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 7 Aras Rendah

Hasil kajian menunjukkan pencapaian para murid Tahun 7 di sekolah antarabangsa pilihan adalah kurang memuaskan kerana sebanyak 33 orang (44.1%) murid gagal dalam ujian penulisan. Hal ini

demikian kerana kelas aras rendah yang menjadi sasaran kajian terdiri daripada para murid yang lemah dalam prestasi Bahasa Melayu Tahun 7.

Penguasaan Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 7 Aras Rendah

Penguasaan penulisan Bahasa Melayu murid-murid sekolah antarabangsa adalah rendah ($M=2.76$, $SP=0.71$). Aspek memerlukan pertolongan guru atau kawan untuk menulis karangan didapati mencapai nilai min tertinggi. Hal ini menunjukkan bahawa para murid tidak mengaitkan pengetahuan sedia ada untuk menghasilkan penulisan. Hal ini demikian kerana murid-murid sekolah antarabangsa pilihan mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa asing dan bukannya bahasa pertama. Mereka cepat lupa apa yang telah dipelajari kerana persekitaran juga tidak menyokong pembelajaran mereka. Hal ini menyebabkan pengetahuan mereka tidak kukuh.

Anh (2019) mendapati apabila pembelajaran hanya berpusatkan guru semata-mata menyukarkan lagi proses penulisan pelajar. Mereka tidak diberi peluang mengaitkan pengetahuan lepas dengan pembelajaran baharu menyebabkan murid-muridnya tidak mempunyai kosa kata yang terhad, pengetahuan tatabahasa yang tidak mendalam, tiada tabiat menulis yang berkesan dan tiada pengetahuan kognitif tentang aspek-aspek penting penulisan. Sebab itu, mereka cenderung meminta pertolongan daripada guru atau kawan-kawan untuk menulis.

Di sebalik itu, kebolehan menulis tanpa kesalahan ejaan dan morfologi menunjukkan penguasaan penulisan Bahasa Melayu murid Tahun 7 Aras Rendah. skor min yang paling rendah. Kesalahan-kesalahan ini berlaku disebabkan penggunaan Bahasa Melayu hanya dipraktikkan di dalam kelas. Keseluruhan subjek lain kecuali Bahasa Mandarin adalah dalam Bahasa Inggeris. Pendedahan kepada penggunaan Bahasa Melayu yang minimum menyebabkan murid-murid sekolah antarabangsa ini tidak dapat menghasilkan sebuah karangan yang bebas daripada kesalahan ejaan, morfem atau tatabahasa. Kajian-kajian lepas

menunjukkan dapatan yang sama berikutan kurang pendedahan para murid terhadap Bahasa Melayu. Kajian lepas seperti Ainun et al. (2016) dan Zaliza (2017) mengenal pasti masalah yang sama iaitu kesalahan ejaan, morfem dan tatabahasa menjurus kepada penghasilan penulisan yang kurang baik. Hal ini dapat dijelaskan oleh Teori Konstruktivisme bahawa pembinaan pengetahuan sedia ada mesti kukuh dalam menghasilkan karangan yang efektif daripada cara hanya menerima sesuatu pengetahuan (Rajendran, 2019). Para murid dapat merujuk pengalaman mereka dalam pelajaran sebelum ini seperti tatabahasa, perbendaharaan kata, ejaan dan tanda baca untuk membina kemahiran menulis (Stabile, 2016).

Menghasilkan sebuah karangan yang lengkap adalah suatu kemahiran baharu yang boleh dilakukan dengan lebih efektif apabila pengetahuan sedia ada murid adalah kukuh (Saif Husam & Laszlo, 2020). Tiada ilham atau tiada pengetahuan asas yang kukuh dalam kosa kata, tatabahasa atau struktur ayat menyebabkan para murid perlu mendapatkan pertolongan daripada guru atau kawan-kawan dalam menghasilkan karangan (Michael, 2018). Kajian Ghazali et al. (2012) menunjukkan kaedah konstruktivisme lebih berkesan berbanding kaedah berpusatkan guru dalam pengajaran kerana kaedah konstruktivisme menumpu pada usaha murid-murid. Para murid dapat mengingati apa yang dipelajari melalui pembelajaran sesama kawan di mana guru hanya berfungsi sebagai fasilitator. Kajian Noor Hanim (2014) turut menunjukkan kaedah konstruktivisme berkesan dalam mengembangkan kemahiran menulis apabila tugas tersebut melibatkan kerja secara berkumpulan.

Perbezaan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 7 Aras Rendah berdasarkan Jantina

Ujian-t mendapati pencapaian penulisan tidak berbeza antara murid lelaki dan perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa murid lelaki dan perempuan mempunyai pencapaian penulisan yang hampir sama. Hasil kajian ini berbeza dengan kajian Slik et al. (2015) yang menunjukkan perbezaan jantina dalam

tahap penguasaan bahasa di mana murid perempuan menunjukkan penguasaan bahasa kedua yang lebih kukuh. Begitu juga dengan kajian Wightman (2020) yang mendapati pencapaian murid perempuan lebih kukuh berbanding dengan murid lelaki dalam pembelajaran bahasa kedua. Perbezaan hasil kajian

tersebut adalah disebabkan persekitaran kajian yang berbeza. Kajian Slik et al. (2015) dan Wightman (2020) dijalankan ke atas murid dari pelbagai tahap,

manakala kajian ini hanya dilakukan terhadap para murid tahap rendah sahaja.

Jenis-Jenis Kesalahan yang Dilakukan oleh Murid Tahun 7 Aras Rendah dalam Penulisan Bahasa Melayu

Berdasarkan jenis kesalahan yang dikesan, morfologi dikenal pasti sebagai masalah dominan dalam penulisan Bahasa Melayu para sekolah antarabangsa kajian. Analisis kesalahan penulisan dalam kajian ini membuktikan kebenaran Teori Analisis Bahasa Corder (1981) dari segi gangguan pembelajaran bahasa kedua daripada bahasa pertama akibat interlingual seperti kesalahan ejaan. Contohnya, *comedi* sepatutnya dieja sebagai *'komedi'*, *animation* sepatutnya dieja sebagai *'animasi'*, dan *satay* sepatutnya dieja sebagai *'sate'*.

Kesalahan kata sendi nama paling kerap ditemui dalam penulisan murid Tahun 7. Hal ini dapat dilihat dalam penulisan mereka yang mengandungi penggunaan *'pada'*, *'daripada'*, *'dengan'* dan *'daripada'* yang mengubah maksud ayat atau gagal menjelaskan maksud ayat dengan jelas. Hasil kajian ini adalah sama dengan kajian Zaliza (2017), Nur Farahkhanna dan Nor Ain (2020) yang mendapati kesalahan dari segi kata sendi nama adalah kesalahan yang kerap dilakukan oleh para murid dalam penulisan bahasa kedua. Murid kajian cenderung menggunakan kata sendi nama yang tidak sesuai untuk menghasilkan sesuatu ayat.

Kesalahan kata hubung juga kerap dilakukan oleh murid Tahun 7 di mana mereka keliru antara *'dengan'* dan *'daripada'*, *'bahawa'* dan *'kerana'*. Keputusan yang sama turut diperolehi oleh Noraishah et al. (2021) yang mendapati kesalahan

penggunaan kata hubung pancangan berlaku berdasarkan penyusunan unsur yang salah yang dinyatakan oleh Corder (1981). Hasil kajian tersebut membuktikan bahawa kata hubung pancangan keterangan merupakan kesalahan tertinggi dalam ayat majmuk. Contohnya *'dan'* dan *'sehingga'* memberi maksud yang berlainan, di mana *'dan'* bertindak sebagai kata hubung gabungan dan *'sehingga'* sebagai kata hubung keterangan jenis akibat.

Terdapat juga kesalahan kesalahan kata ganti nama diri di mana murid Tahun 7 yang dikaji tidak dapat membezakan antara *'kita'* dengan *'kami'*, *'dia'* dengan *'beliau'*. Kesalahan kata ganti nama diri juga dikenal pasti dalam kajian Alhaadi dan Zaitul Azma (2018). Kesalahan imbuhan seperti *'di'*, *'me'* dan *'ber'* juga banyak dikesan dalam penulisan murid kajian. Sehubungan dengan itu, mereka juga mengesan kesalahan imbuhan awalan seperti *'di'* dan *'men'* dalam kalangan murid pilihan mereka. Kesalahan imbuhan yang dikenal pasti menerusi ujian bertulis membawa kepada kesalahan ayat kerana ia tidak melambangkan ayat aktif atau ayat pasif dengan betul. Kesalahan jenis ini iaitu penyusunan unsur yang salah juga dibincangkan oleh Nurul Adzwa et al. (2020) di mana kesalahan tatabahasa paling banyak dijumpai dalam sesebuah karangan.

Faktor-Faktor Murid Cenderung Melakukan Kesalahan dalam Penulisan Bahasa Melayu

Analisis terhadap kesalahan sintaksis mendapati murid-murid membina ayat dengan struktur yang tidak betul akibat kelemahan leksikal dan ortologi. Hasil ujian penulisan menunjukkan bahawa penggunaan perkataan yang tidak sesuai muridkajian untuk menyampaikan maksud. Seseengah perkataan Inggeris digunakan dengan menukar huruf supaya berbunyi Bahasa Melayu. Penggunaan perkataan seperti itu menggunakan morfem bahasa yang tidak betul, seterusnya menghasilkan ayat yang salah. Sebagai contoh, *"Saya suka makan satay semasa menonton filem"*. *Satay* ialah perkataan Bahasa Inggeris, manakala perkataan Bahasa Melayu yang betul adalah *"sate"*. Hal ini menunjukkan pengaruh bahasa pertama mereka yang kuat dalam penulisan bahasa kedua seperti yang dinyatakan oleh Corder (1981).

Terdapat juga kesalahan sintaksis dilakukan oleh muridkajian akibat penterjemahan langsung

daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan struktur ayat yang tidak betul walaupun ejaan betul. Contohnya, *"Saya ayah pergi bersama saya ke pawagam"*. Di sini *"saya ayah"* diterjemahkan terus dari bahasa Inggeris iaitu *"My father"*. Hasil yang sama juga diperolehi dalam kajian Romero dan Manjares (2017) yang menunjukkan kesalahan struktur ayat berlaku akibat penterjemahan yang kurang tepat dari bahasa pertama ke bahasa kedua.

Dapatan kajian ini menunjukkan kebenaran Teori Analisis Kesalahan Corder (1981). Corder (1971) menerangkan bahawa gangguan bahasa ibunda berlaku apabila tabiat bahasa seperti bentuk bahasa, sistem bahasa atau hukum bahasa pertama muridmenggangu atau menghalangnya daripada memperoleh bea hukum dalam bahasa kedua. Berikutan itu, dapatan ini adalah mirip dengan kajian lepas yang mengaplikasikan Teori Analisis

Bahasa Corder (1981). Sebagai contoh, kesalahan murid meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan dan istilah (Mantasiah & Yusri, 2020) dan pengaruh bahasa pertama terhadap kesalahan dalam penulisan esei (Nurul Ain & Nik Nor Athira, 2021; Chew & Dewih, 2020). Tidak dinafikan bahasa Melayu mempunyai peraturan-peraturan bahasa yang tersendiri, kompleks dan unik. Justeru, kemahiran berbahasa Melayu sukar dikuasai oleh penutur bahasa kedua seperti dalam kajian ini.

Seterusnya, faktor paling kukuh yang menyebabkan murid kajian cenderung melakukan kesalahan dalam ujian penulisan adalah penggunaan Bahasa Melayu yang terbatas di mana bahasa Melayu hanya dipelajari dan digunakan di dalam kelas. Tanpa pendedahan dan latihan yang banyak, para murid tidak dapat menggunakan perkataan yang betul apabila menulis, justeru kecenderungan melakukan kesalahan pun meningkat. Kajian Dhanya dan Alamelu (2019) menunjukkan murid kajian mereka cenderung melakukan kesalahan kerana tiada maklum balas yang kerap daripada guru dan peruntukan masa yang kurang untuk

penulisan. Dapatan kajian Almahameed dan Alajalein (2021) pula mendapati para murid bahasa kedua di Jordan tidak dapat menguasai kemahiran menulis kerana pengukuhan komponen bahasa yang lemah. Selain itu, kajian-kajian lepas mendapati faktor-faktor para murid cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan adalah disebabkan kepakaran linguistik (morfem kata) yang tidak mencukupi (Daeng Zairi et.al, 2025), ketiadaan proses kognitif dalam pembinaan ayat (Fernando, 2020) dan pengetahuan tatabahasa yang tidak mendalam (Anh, 2019).

Faktor para murid cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan yang mendapat nilai min yang paling rendah adalah tiada keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu kerana tiada keperluan. Dapatan yang sama juga dilaporkan oleh Javadi-Safa (2018) di mana para murid mempunyai persepsi bahawa bahasa kedua hanya penting untuk menepati keperluan silibus dan tidak akan digunakan di luar kelas. Hal ini merupakan faktor-faktor mereka tidak berkeinginan untuk belajar Bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan penguasaan penulisan Bahasa Melayu para murid Tahun 7 di sebuah sekolah antarabangsa berada pada tahap yang rendah. Sehubungan dengan itu, murid lelaki dan perempuan mempunyai persamaan dalam pencapaian Bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan kelemahan tatabahasa merupakan halangan kepada mereka untuk menguasai kemahiran penulisan Bahasa Melayu. Pengetahuan terhad murid antarabangsa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dikenal pasti sebagai faktor utama mereka cenderung melakukan kesalahan. Kesemua dapatan mencadangkan para murid antarabangsa memerlukan intervensi yang berbeza daripada kaedah pembelajaran yang digunakan kini.

Intervensi ini bergantung pada usahasama antara guru dengan murid di sekolah.

Daripada persepsi guru, pembelajaran Bahasa Melayu harus diberi keutamaan yang sama seperti mata pelajaran lain. Hal ini merupakan usaha guru-guru supaya para murid mendapat pendedahan Bahasa Melayu yang lebih banyak. Daripada persepsi murid pula, mereka boleh meningkatkan kemahiran mereka dengan melakukan lebih banyak latihan sendiri dalam Bahasa Melayu. Usahasama ini penting untuk memastikan penguasaan Bahasa Melayu para murid Tahun 7 di sekolah antarabangsa itu meningkat, seterusnya dapat mengatasi masalah kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam penulisan.

PENGHARGAAN

Kajian dan penerbitan artikel ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan, tajaan atau bantuan kewangan.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Jalil. 2016. Tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka murid berprestasi rendah. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, pp. 951-958. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Hamid Moiden & Jessica Ong Hai Liaw. 2021. Language error from western scholar perspectives. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(3): 57-967.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2017. Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian

- Bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(2): 77-88.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Analisis kesalahan dalam penulisan murid bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik* 22(1): 24-31.
- Anh, D.T. 2019. EFL student's writing skills: Challenges and remedies. *Journal of Research & Method in Education* 9(6): 74-84.
- Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Mohd Zahari, & Marlini Idris. 2020 Analisis pelaksanaan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah menengah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 48-63.
- Ashairi Suliman, Mohamed Yusoff Mohd Nor, & Melor Md Yunus. 2017. Dual-Language Programme in Malaysian secondary schools: Glancing through the students' readiness and unravelling the unheard voices. *GEMA: Online Journal of Language Studies* 17(4): 128-145.
- Charanjit Kaur Swaran Singh, Amreet Kaur Jageer Singh, Nur Qistina Ab. Razak, & Thilaga Ravinthar. 2017. Grammar errors made by ESL tertiary students in writing. *English Language Teaching* 10(5): 1-12.
- Chew Fong Peng & Dewih Haris. 2020. Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian literasi Bahasa Melayu murid tahun 4 dalam kemahiran menulis. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies* 2(1).
- Corder. S.P. 1981. *Error Analysis and Interlanguage*. London: University Press
- Daing Zairi Maa'rof, Maryam Mohamed Amin, Maharam Mamat, Sofia Ayup, Nurul Atiqah Md. Suhada, Shazleena Othman & Azlan Ahmad. 2025. Analysis of grammatical error in Malay Language Writing by China International Students. *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 9(8): 6372-6383. .
- Dhanya, & Alamelu. 2019. Factors influencing the acquisition of writing skills. *International Journal of Recent Technology and Engineering* 7(6): 1399-1405.
- Farah Adlina Mokter. 2019 Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9(1): 33-46.
- Fazilah Mat Zain. 2019. Penggunaan teori rangkaian motor pembelajaran kemahiran menulis dalam proses mengarang Bahasa Melayu murid Tahun Lima. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Fernando, I. S. 2020. Improving writing skills in English as a second language (ESL) through feedback, revising and multiple draft writing: An action research. *The CINEC Journal* 31(57): 39-44.
- Ghazali Darusalam, Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan & Rahmad Shukor Abd Samad. 2012. Application of constructivism learning in guided essay writing. *Issues in Education* 35: 136-146.
- Javadi-Safa, A. 2018. A brief overview of key issues in second language writing teaching and research. *International Journal of Education & Literacy Studies* 6(2): 15-25.
- Mantasiah Rivai & Yusri. 2020. *Analisis Kesalahan Berbahasa*. Yogyakarta: Deepublish.
- Noor Hanim Rahmat. 2014. Constructivism in the ESL writing classroom: A case for collaborative essay writing. *Creative Practices in Language Learning and Teaching* 2(1): 1-15.
- Noraishah Sakilah Kamat, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Mohd Jabar, & Aireen Aina Bahari. 2021. Analisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh murid Melayu tingkatan satu berdasarkan teori analisis kesalahan Corder. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(2): 1-14.
- Nunnally, J., & Bernstein, I. 1994. *Psychometric Theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jobar. 2020. Analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan murid dan hubung kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 77-90.
- Nurul Ain Alizuddin, & Nik Nor Athirah Nik Mohd Arif. 2021. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan Bahasa Melayu murid antarabangsa. *International Social Science and Humanities Journal* 4(1): 113-123.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Nor Ain Nor Azman. 2020. Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa. *LSP International Journal*, 7(1), 39-59. <https://doi.org/10.11113/lspi.v7n1.95>
- Polio, C. 2016. *Teaching Second Language Writing*. New York: Routledge.
- Rajendran Kumar Shah. 2019. Effective social constructivist approach to learning for social studies classroom. *Journal of Pedagogical Research* 3(2): 38-52.

- Richards, J.C. 2015. *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. New York: John Wiley and Sons.
- Romero, Y., & Manjares, M.P. 2017. How does the first language have an influence on language learning? *English Language Teaching* 10(7): 1-17.
- Rozita Radhiah Said, Nor'azian Nahar, & Norazlina Mohd Kiram. 2019. Relationship between Malay Language writing skills and learning motivation among non-native speakers. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 8(4): 566-580.
- Saif Husam Mohammed & Laszlo Kinyo. 2020. The role of constructivism in the enhancement of social studies education. *Journal of Critical Reviews* 7(7): 249-257.
- Slik, F. W., Roeland, & Schepens, J. J. 2015. The gender gap in second language acquisition: gender differences in the acquisition of Dutch among immigrants from 88 countries with 49 mother tongues. *PLoS One* 10(11): 142.
- Stabile, C. 2016. *Constructivism Reconsidered in the Age of Social Media*. New York: Routledge.
- Sokip. 2020. Overcoming the problem of learning foreign language skills in the classroom. *Universal Journal of Educational Research* 8(2): 723-729.
- Sylvester Lau Yueh Wei, Alizah Lambri & Rosliah Kiting. 2020. Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 6(1): 33-42.
- Thorpe, R. 2021. *Teaching Creative Writing to Second Language Learners*. New York: Routledge.
- Wightman, M. 2020. Gender differences in second language learning: Why they exist and what we can do about it. *Tennessee Research and Creative Exchange* 23(17): 1-19.
- Zahra Fahimi & Ali Rahimi. 2015. On the impact of self-assessment practice on writing skill. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 10(15): 730-736.
- Zaliza Mohamad Nasir. 2017. Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP International Journal* 4(1): 23-35.